

Sultan Selangor Lancar Buku Terjemahan Zakat

Tuesday, 25 August 2009 | Ruangan: **Berita**

SHAH ALAM, 24 OGOS: Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan melancarkan buku terjemahan zakat hasil tulisan Ulama Moden Islam Yusof Al- Qaradhawi bertajuk Institusi Zakat Peranan dan Tanggungjawab sempena Majlis Berbuka Puasa Bersama Rakyat di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, petang tadi.

Dalam majlis yang sama, baginda turut berkenan menyampaikan bantuan zakat kepada 200 orang fakir dan miskin dari sekitar Lembah Klang.

Turut menerima bantuan, 200 orang muallaf (saudara baru) dan 100 orang anak yatim.

Hadir sama, Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Ramli Mahmud dan Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (Mais), Datuk Mohamad Adzib Mohd Isa.

Pada tahun ini, LZS telah memperuntukkan sebanyak RM15,997,550 untuk diagihkan kepada 21,621 keluarga fakir dan miskin di Selangor iaitu 10,778 untuk keluarga fakir dan 10,843 keluarga miskin di negeri Selangor.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM7,764,950 diagihkan kepada golongan miskin manakala RM8,232,600 diagihkan kepada golongan fakir.

Dalam majlis yang sama, Sultan Selangor yang mewakili LZS berkenan menerima pembayaran zakat perniagaan daripada Worldwide Holdings Berhad (WHB) dan anak syarikatnya berjumlah RM1,000,861.72 bagi tahun kewangan 2009 yang disampaikan oleh Pengerusi Worldwide Holdings Berhad, Datuk Mohd Arif Abd Rahman.

Daripada jumlah zakat perniagaan ini, RM820,922.72 adalah dari WHB dan dua anak syarikatnya Worldwide Landfills Sdn Bhd (RM169,900) dan WL Environmental Sdn Bhd sebanyak RM10,039.00.

WHB dan anak syarikatnya telah membayar zakat kepada LZS sejak tahun 2005 dan pada tahun lalu sahaja jumlah yang telah dibayar adalah sebanyak RM1.4 juta.